

**PENYATA RASMI**  
**MESYUARAT KEEMPAT**  
**BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14**

**HARI KHAMIS**

**07 MAC 2019**

**BIL. 4 TAHUN 14**

**HADIR**

**YB Speaker,**  
Tuan Suhaizan bin Kaiat

**YB Timbalan Speaker,**  
Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

**YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan  
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Johor**  
Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, SPMJ., DSNS., AMN., PIS.  
(Kempas)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan**  
Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar**  
Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad  
(Kota Iskandar)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi**  
Tuan Tan Hong Pin  
(Skudai)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan**  
Tuan Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah  
(Bekok)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan**  
Tuan Haji Mazlan bin Bujang  
(Puteri Wangsa)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti**  
Tuan Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan**  
Tuan Mohd. Khuzzan bin Abu Bakar  
(Semerah)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian**  
Tuan Dr. Sahrudin bin Jamal  
(Bukit Kepong)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Keusahawanan,  
Koperasi dan Ekonomi Kreatif**  
Tuan Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali  
(Paloh)

YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP.,  
SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM.  
(Gambir)

YB Dato' Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN.  
(Simpang Jeram)

YB Tuan Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Tuan Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Tuan Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Tuan Yeo Tung Siong  
(Pekan Nanas)

YB Tuan Cheo Yee How  
(Perling)

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan  
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe  
(Bentayan)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni  
(Bukit Naning)

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad  
(Larkin)

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor  
(Kemelah)

YB Tuan Dr. Chong Fat Full  
(Pemanis)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit  
(Mahkota)

YB Tuan Chew Chong Sin  
(Mengkibol)

YB Tuan Tee Boon Tsong  
(Senai)

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi,PIS II., BSI., AMN.  
(Bukit Permai)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.  
(Permas)

YB Puan Nor Hayati binti Bachok  
(Maharani)

YB Tuan Mohd. Solihan bin Badri  
(Tenang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman  
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim  
(Senggarang)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam  
(Tiram)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain  
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari  
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib  
(Endau)

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad, GPDK., PIS., PSI., AMN., KMN.  
(Benut)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.  
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Datuk Md. Othman bin Yusof, DMSM., DSM.  
(Kukup)

YB Senator Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.  
(Buluh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.  
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli  
(Parit Raja)

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.  
(Layang-Layang)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim  
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail  
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep  
(Bukit Pasir)

#### **TURUT HADIR**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SIJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., PIS., PSI.

#### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan**  
Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

**Persidangan bermula pada jam 9.30 pagi.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER.**

**YB Speaker** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. (Bacaan Selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, pagi ini kita akan memulakan Mesyuarat Keempat Bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Sesi Soalan-Soalan Lisan akan dijalankan selama 1 jam setengah.

**Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.**

**YAB Menteri Besar** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 1 dan 2 Tahun 2019.

Bilangan 1 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2017.

Bilangan 2 Tahun 2019 - Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 dan Penyata Memorandum mengenai :

- Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Johor Tahun 2017.
- Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Siri 2.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam harapan. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 3 dan 4 Tahun 2019.

Bilangan 3 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Yayasan Pelajaran Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.

Bilangan 4 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Perpustakaan Awam Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi** : Salam sejahtera, selamat pagi dan salam harapan Johor. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 5 hingga 18 Tahun 2019.

Bilangan 5 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Kota Tinggi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016.

Bilangan 6 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.

Bilangan 7 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.

Bilangan 8 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Pasir Gudang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.

- Bilangan 9 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Batu Pahat Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.
- Bilangan 10 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kulai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.
- Bilangan 11 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kluang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.
- Bilangan 12 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Muar Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.
- Bilangan 13 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Segamat Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.
- Bilangan 14 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Pontian Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.
- Bilangan 15 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Simpang Renggam Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.
- Bilangan 16 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Tangkak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.
- Bilangan 17 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Yong Peng Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.
- Bilangan 18 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan Bagi Pihak YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam harapan. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 19 Tahun 2019.

- Bilangan 19 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 20 Tahun 2017.

- Bilangan 20 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Perbadanan Taman Negara Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.**

**YB Speaker :** Yang Berhormat Stulang, jemput.

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 1.

Kerajaan Johor sentiasa prihatin akan hubungan erat Malaysia/Singapura. Apakah usaha kerajaan Johor dalam mengeratkan hubungan diplomasi demi kepentingan rakyat kedua-dua buah negara?

**YB Speaker** : Yang Berhormat Panti, jemput.

**YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 2.

Minta nyatakan perancangan Kerajaan Negeri dalam merancakkan ekonomi Negeri Johor melalui kerjasama dengan negara Singapura, serta bagaimana hubungan politik memainkan peranannya.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan Johor, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon izin untuk menjawab secara bersekali bagi soalan Yang Berhormat Stulang dan Panti berkaitan hubungan di antara Malaysia dan Singapura. Demi memastikan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Singapura yang telah terjalin sejak 53 tahun kekal sebagai jiran terdekat serta rakan ASEAN terus terpelihara, sebarang isu berbangkit akan diselesaikan di meja rundingan.

Pendekatan ini diambil bagi memastikan segala konfrontasi atau konflik yang timbul tidak akan memberi kesan kepada hubungan baik dua negara berjiran sejak sekian lama di meterai ini. Tidak dinafikan hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura kekal baik biar pun terdapat beberapa isu serta pertikaian antara dua negara berjiran ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Persekutuan melalui Menteri Luar Yang Berhormat Datuk Saifudin Abdullah telah pun mengadakan perbincangan bersama rakan sejawat di Singapura berkaitan dengan isu berbangkit termasuk pertikaian ruang udara dan perairan antara kedua negara masih berterusan dan berjalan dengan baik. Saya yakin di bawah kepimpinan yang diterajui oleh Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Tun Mahathir Mohamad, akan bertemu jalan penyelesaian yang akhirnya memberi manfaat kepada kedua-dua negara berdasarkan kepentingan bersama dan memastikan kelangsungan dalam meneroka prospek kerjasama antara Malaysia dan Singapura. Beberapa siri pertemuan juga telah diadakan oleh kerajaan negeri Johor bersama pihak kerajaan persekutuan dan yang terkini pertemuan pada September 2018 yang lalu di mana objektif utamanya bagi memastikan hubungan dua hala antara dua negara ini sentiasa dijaga dan dihormati.

Kerajaan negeri Johor dan Singapura sentiasa menjaga hubungan rapat biarpun dilanda berbagai isu terutamanya di dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Sehingga hari ini, kerajaan negeri secara berterusan mengadakan sesi-sesi libat urus bersama para pelabur, Dewan Perniagaan Persekutuan, industri serta syarikat-syarikat Singapura. Hasilnya, Singapura merupakan negara pelabur kedua terbesar yang menjadi rakan dagang di Malaysia dan sebahagian daripadanya telah memberikan manfaat terhadap peningkatan taraf pendapatan bagi penduduk seluruh negeri Johor. Isu hubungan Malaysia dan Singapura bagi menghela rambut, bagai menghela rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan terserak. Saya yakin kami di pihak kerajaan dapat menyelesaikannya tanpa memberi kesan terhadap kedua-dua negara.

**YB Speaker** : Stulang.

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang)** : Terima kasih, Tuan Speaker dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas jawapan yang diberikan. Memang isu diplomasi Malaysia - Singapura ini memang adalah satu cabaran yang besar di mana selain kita kena menjaga kepentingan kedua-dua buah negara, kepentingan Malaysia juga tidak boleh diabaikan. Dan Menteri Luar Singapura juga sentiasa ada memperdebatkan isu hubungan ini di Parlimen Singapura dan banyak isu telah pun diperdebatkan dan diperbincangkan.

**YB Speaker** : Soalannya, soalannya ok, Yang Berhormat.

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang)** : Seperti air, udara, pengangkutan dan sebagainya yang di mana sampai perkara kecil-kecil seperti isu saman, pun saman kereta Singapura dan saman kereta Malaysia pun diperdebatkan juga banyak perlu diperbincangkan. Dan, kita sememang sama-sama mengawal selia sempadan yang paling sibuk di dunia iaitu Tambak Johor dan, di mana ia mempengaruhi ekonomi Malaysia – Singapura. Jadi, ada satu isu sahaja yang saya rasa cukup penting iaitu yang saya nak mendapatkan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan Johor terhadap kawasan perairan yang bertindih dengan Singapura. Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput Yang Amat Berhormat.

**YAB Menteri Besar** : Terima kasih Yang Berhormat Stulang. Kerajaan negeri Johor menyokong pendirian Tun Dr Mahathir Mohamad yang mahu menyelesaikan pertikaian antara Malaysia dan Singapura membabitkan sempadan ruang udara dan maritim akan diselesaikan berlandaskan peruntukan undang-undang dan hak negara. Ini kerana pertikaian antara negara banyak berlaku kerana ada pihak yang mendakwa mengenai sempadan masing-masing. Di mana mereka berterusan mencetuskan pelbagai pertikaian-pertikaian lain. Jika kita lihat semula isu pertindihan Wilayah Perairan Malaysia dan Singapura sejak dulu lagi bagi Malaysia *way forward*, negara berkenaan isu ini adalah melalui rundingan perbatasan sempadan maritim di peringkat diplomasi di kedua-dua negara berdasarkan undang-undang antarabangsa. Bagi menyelesaikan hal ini telah berlangsung pertemuan dan perbincangan dua hala Menteri Luar Negara dan Singapura pada 8 Januari 2019 di Singapura. Kedua negara bersetuju supaya isu persempadanan maritim antara Malaysia dan Singapura dibincangkan menerusi satu kumpulan kerja yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha Wisma Putra dan Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri Singapura. Kumpulan kerja ini diberi mandat untuk memperhalusi aspek perundangan serta operasi bagi mengurangkan ketegangan di kawasan perairan termasuk had pelabuhan antara kedua-dua negara termasuk dan menyediakan asas untuk perbincangan lanjut.

Manakala isu perbatasan sempadan maritim di sekitar perairan Batu Putih, Batu Tengah dan Tubir Selatan pula akan terus dibincangkan melalui *Malaysia – Singapore Joint Technical Committee* (MSJTC) yang diketuai oleh Kementerian Luar Negeri. Maka sekiranya terdapat aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak Singapura di luar kawasan maritim dalam jarak radius 500 meter seperti yang dipersetujui kedua-dua negara melalui platform MSJTC dari Batu Putih boleh di bantah oleh Malaysia kerana persempadanan belum dilaksanakan lagi. Dalam hal ini, Kementerian Pertahanan ataupun MINDEF akan meneruskan penghantaran laporan bulanan pencerobohan perairan dan ruang udara sekitar kawasan Batu Putih kepada kerajaan dan juga kementerian luar melalui Kementerian Luar. Selain itu, agensi-agensi penguatkuasaan maritim negara seperti agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Polis Marin, Polis Diraja Malaysia, PPM, PDRM dan Jabatan Laut Malaysia (JLM) diarah untuk kekal mengatur gerak aset, *show of present* berdasarkan *Rules of Engagement (ROE)* yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara pada 28 Disember 2018. Di kawasan perbatasan Maritim Malaysia termasuk di had pelabuhan Johor Bahru atau kekal berlabuh di kawasan ini walaupun rundingan dengan Singapura sedang dilaksanakan. Baru-baru ini saya sendiri turun ke bawah melihat kawasan yang menjadi pertindihan sehingga mencetuskan sedikit isu tetapi perkara itu telah pun dapat diselesaikan di antara dua buah negara ini.

Bagi nelayan-nelayan tempatan turut digalakkan untuk menjalankan aktiviti perikanan dan kawasan perairan negara berdasarkan Peta Baru Malaysia 1979, termasuk di sekitar perairan Batuan Tengah. Wakaf nelayan juga turut disediakan oleh kerajaan di Pos Maritim Batuan Tengah yang dikenali sebagai Abu Bakar Maritim. *Abu Bakar Maritim Base* untuk persinggahan nelayan tempatan. Sekiranya, didapati aset Singapura didapati menceroboh perairan Malaysia atau mengganggu aktiviti perikanan nelayan tempatan di kawasan perairan negara Malaysia melalui KLN, berhak mengemukakan nota bantahan diplomatik

kepada negara Singapura. Kerajaan Johor akan sentiasa memberikan kerjasama yang terbaik dengan kerajaan persekutuan bagi memurnikan ikatan persahabatan di antara Malaysia dan Singapura. Diumpamakan seperti sedangkan lidah lagi tergigit, inikan hubungan akrab di antara Johor dan Singapura.

Berbagai perkara berbangkit yang sedang dihadapi oleh Malaysia dan Singapura kini hakikatnya hanya sekelumit daripada asam garam hubungan antara dua negara berjiran. Terima kasih.

**YB Speaker :** Ya.

**YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ucapkan tahniah kepada jawapan daripada Yang Amat Berhormat berkenaan dengan hubungan baik antara Malaysia – Singapura. Walau bagaimanapun, saya ingin mendapatkan pendirian kerajaan negeri memandangkan hubungan yang baik di antara Malaysia – Singapura apabila kita mengambil keputusan untuk tidak mahu merayu atas tuntutan *Pedra Branca*. Adakah itu bererti bahawa kerana hubungan yang baik maka kita lupakan tentang soal kedaulatan kita, lupakan tentang soal kepentingan kita untuk sekurang-kurangnya merayu di atas tuntutan *Pedra Branca*. Jadi, dari segi sudut *Pedra Branca* ini berdasarkan hubungan yang baik, di mana pendirian kerajaan negeri terhadap tuntutan tersebut ataupun keputusan untuk tidak merayu di atas tuntutan *Pedra Branca*. Terima kasih Tuan Speaker.

**YB Speaker :** Jemput, Yang Amat Berhormat.

**YAB Menteri Besar :** Terima kasih Yang Berhormat daripada Benut atas soalan tambahan tadi. Kita sebenarnya sentiasa mencari bukti-bukti dan juga segala dokumentasi-dokumentasi yang boleh menguatkan lagi tuntutan kita. Untuk sementara waktu ini, kita masih kekal dengan apa keputusan yang dibuat oleh kerajaan yang lama dahulu. Walau macam mana pun kita tidak akan berdiam diri. Itu adalah kedaulatan kita. Saya dan juga bersama dengan kepimpinan yang lain masih sebagaimana yang saya katakan tadi mencari segala dokumen-dokumen sama ada dokumen yang boleh menguatkan balik tuntutan kita ini berada di luar negara atau berada di mana-mana, kita masih menggunakan saluran-saluran tertentu. Bermakna untuk kesimpulannya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Benut ini, kita masih meneruskan tetapi hubungan antara Singapura dengan kita tentang perkara ini kita tidak perlulah hendak diwar-warkan kerana keputusan dah ada dulu. Jadi, kita kena juga menghormati keputusan yang dibuat oleh kerajaan yang lama dahulu. Tetapi untuk kerajaan sekarang ini sebagaimana saya katakan tadi, masih kita mencari bukti-bukti dan juga dokumen-dokumen kerana saya difahamkan juga ada dokumen-dokumen yang disimpan oleh mereka-mereka yang tertentu. Ini masih lagi kita mencarinya ya, terima kasih.

**YB Speaker :** Soalan yang seterusnya. Sebelum itu, kita didatangi oleh pelawat daripada Yayasan Warisan Johor seramai 30 orang di belakang. Selamat datang.

Yang Berhormat Maharani, jemput.

**YB Puan Nor Hayati binti Bachok (Maharani) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 3.

Berapakah jumlah penerima elaun penghafaz Al-Quran pada tahun 2018 dan peruntukan kerajaan negeri bagi tahun 2019 untuk pemberian elaun ini, selain usaha JAINJ untuk menggalakkan lebih ramai penghafaz Al-Quran menerima insentif ini?

**YB Speaker :** Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam harapan. Terima kasih kepada Tuan Speaker, jawapan bagi soalan nombor 2 dari Maharani. Berapakah jumlah penerima elaun penghafaz Al-Quran pada tahun 2018 dan peruntukan kerajaan negeri bagi tahun 2019, selain usaha Jabatan Agama untuk menggalakkan lebih ramai penghafaz Al-Quran menerima insentif ini?

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, walaupun tanggapan pihak-pihak tertentu menyatakan kononnya kerajaan Pakatan Harapan menghentikan elaun penghafaz Al-Quran, namun untuk makluman kepada Dewan, ada dua kategori bagi penghafaz Al-Quran :

1. Pelajar sekolah.
2. Orang Awam.

Bagi kategori pelajar sekolah, dari tahun 2018 seramai 1,029 pelajar telah menerima elaun penghafaz Al-Quran. Kerajaan melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor telah membelanjakan sebanyak RM442,980.00 untuk pembayaran elaun berkenaan. Manakala pada tahun 2019, kerajaan negeri mensasarkan seramai 1,060 pelajar menghafaz Al-Quran dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM550,000.00 untuk pembayaran elaun mereka.

Pelajar-pelajar dari sekolah yang berikut yang layak menerima elaun menghafaz Al-Quran bagi kategori pelajar :

1. MAAHAD Johor.
2. Sekolah Agama Kerajaan Johor di SMARTJ, Kluang.
3. Sekolah Menengah Agama Bugisiah, Tampok.
4. Sekolah Menengah Agama Kota Tinggi.
5. Sekolah Menengah Agama Arabiah, Kluang.
6. Sekolah Menengah Agama Khairiah, Mersing.
7. Sekolah Menengah Agama Khairiah, Segamat.
8. Sekolah Menengah Agama Tarbiyah, Batu Pahat.
9. Sekolah Menengah Agama Samsudiniah, Tangkak.

Selain daripada itu, mereka boleh memohon elaun menghafaz Al-Quran melalui kategori awam. Di mana kita menggalakkan pelajar-pelajar menghafaz Al-Quran dengan pemberian elaun bagi setiap satu juzuk adalah RM15.00 dan maksima kepada pembayaran adalah 10 juzuk, kalau dia boleh hafal 10 juzuk itu maksimumnya. Manakala penganjuran Program Tahfiz Al-Quran sebagai satu daripada program menggalakkan pelajar. Pada setiap tahun diadakan Iktifal Ilmi iaini hafazan sebagai peluang pelajar menonjolkan bakat dan untuk mencari pelajar-pelajar baru dapat menambahkan bilangan hafazan Quran di peringkat negeri Johor. Kerajaan telah memperuntukkan pada tahun 2019 sejumlah RM1.5 juta untuk pembangunan tahfiz negeri Johor. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput, Maharani.

**YB Puan Nor Hayati binti Bachok (Maharani) :** Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih kepada jawapan daripada YB EXCO Agama. Soalan tambahan saya, apakah syarat kelayakan bagi membolehkan orang awam menerima elaun penghafaz Al-Quran dan adakah penghafaz Al-Quran ini boleh mengajar di masjid, surau atau mana-mana tempat dalam negeri Johor? Sekian.

**YB Speaker :** Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan :** Terima kasih Maharani atas soalan tambahan. Syarat-syarat kelayakan untuk menerima elaun daripada kerajaan :

1. Beragama Islam.
2. Berumur 18 tahun ke atas, ini bagi orang awam.
3. Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan lahir di negeri Johor.
4. Bermastautin di negeri Johor tidak kurang dari 5 tahun berturut-turut.
5. Bagi permohonan ibu bapa penjaganya bukan berasal dari negeri Johor perlu mengemukakan borang mastautin negeri Johor.
6. Pemohon mestilah telah menghafaz tidak kurang daripada 10 juzuk mengikut susunan permulaan mashaf.
7. Pemohon tidak menerima apa-apa elaun hafaz Al-Quran dari mana-mana majlis Agama Islam negeri lain atau Jabatan Agama Islam negeri lain, badan berkanun atau mana-mana yayasan untuk memberikan peluang kepada orang lain menerima elaun dari negeri Johor.
8. Pemohon mestilah telah bersedia untuk ditemu duga. Maksudnya melalui kaedah temu duga.
9. Mempunyai peribadi akhlak yang mulia.
10. Tidak pernah disabitkan dengan kes jenayah sama ada oleh Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah.

Terdapat 4 kategori untuk awam :

1. 10 juzuk hafal, RM150.00 sebulan.
2. 1-20 juzuk, RM350.00 sebulan.
3. 1-30 juzuk yang pencapaian hafazannya 75% hingga 89%, sebulan sebanyak RM450.00.
4. Manakala bagi penghafaz Al-Quran yang kategori A+ iaitu 90% hingga 100% kerajaan memberikan elaun sebanyak RM1,000.00 sebulan.

Walaupun mereka merupakan penghafaz Al-Quran, namun untuk mengajar di masjid atau surau, mestilah mendapat tauliah untuk dapat mengajar, membimbing masyarakat di negeri Johor. Sekian.

**YB Speaker** : Ya, Pulai Sebatang.

**YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman (Pulai Sebatang)** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya berkenaan dengan jawapan yang telah diberikan oleh EXCO tadi ialah berkenaan dengan tauliah. Baru-baru ini telah *viral* satu isu di mana Semarang telah menyatakan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan ini telah membatalkan satu ceramah yang telah dapat kelulusan. Jadi, saya mohon pihak EXCO untuk menjawab, adakah ini berkenaan dengan permasalahan tauliah ataupun ketidakcekapan Semarang dalam menguruskan aktiviti? Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan** : Lari soalan ni. Tapi oleh kerana disebut berkaitan dengan tauliah, cuma saya jelaskan sedikit sajalah. Berkaitan dengan ceramah yang dibatalkan pada tarikh yang berkenaan, seorang penceramah Ustaz Kazim Elias di Ayer Hitam, sebenarnya bukan atas arahan kerajaan. Kalau atas arahan kerajaan yang mendakwa ataupun menyatakan ini atas kerajaan ianya tidak benar. Dan, saya mengharapkan supaya kenyataan itu ditarik baliklah sebab dia ada kaitan dengan Wakaf An-Nur. Wakaf An-Nur adalah anak syarikat kerajaan di bawah JCorp. Saya terpaksa jelaskanlah bila disoalkan dan apabila di bawah anak kerajaan tetapi telah diambil kesempatan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab di mana *banner* tersebut diletakkan *banner-banner* parti pembangkang yang sepatutnya bersama dalam program yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Ya, Semarang.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya terpanggil untuk bertanya soalan...

**YB Speaker :** Bukan menjawab eh...

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Bukan menjawab.

**YB Speaker :** Soalan saja.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Soalan saya yang pertama, berapa banyakkah, berapa ramai individu-individu yang mengajar menghafaz Al-Quran dan juga institusi yang ada dalam negeri Johor untuk Program Hafaz Al-Quran yang ada ini. Soalan saya. Yang keduanya berkenaan dengan Pulau Sebatang. Pulau Sebatang ni kalau ikutkan DUNnya jauh daripada Semarang, jadi dia tak tahu biji butir. Saya tak nak memanjangkan perkara ini, memadai saya nak menyatakan bahawa saya tidak pernah meng*hijack* dengan izin, program tersebut.

Yang keduanya, saya lontarkan soalan, apakah *contribution* yang dikatakan penganjur besar Wakaf An-Nur dalam program itu sehingga menjayakan program itu? Sebenarnya saya tahu susur galur apa yang berlaku tapi saya tak nak menyatakan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini. Memadai saya nyatakan bahawa soal untuk kita menguasai mengambil alih program itu adalah tidak benar. Program yang diatur, yang disusun, yang dirancang untuk diadakan di Penjara Simpang Renggam pada 1 hari bulan tersebut ditolak oleh pihak-pihak...

**YB Speaker :** Cukup untuk soalan tu, cukuplah Yang Berhormat...

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Ketiadaan...

**YB Speaker :** Soalan tu cukuplah rasa. Ni bukan nak jawapan ni, kita nak soalan saja.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Saya berhak untuk beri adilan.

**YB Speaker :** Ruang tak ada.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Saya tak, saya tak bawa ini kat *press*, saya tak jumpa pada orang ramai menerangkan. Kalau benar Wakaf An-Nur adalah bertanggungjawab pada program itu, kenapa dia tak menerangkan pada orang ramai di atas pentas di hadapan lebih 30,000 orang yang ada. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Yang Berhormat kita ruang untuk soalan saja. Yang Berhormat, Ok.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Saya harap benda ni dicatatkan.

**YB Speaker :** Jemput, Yang Berhormat EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan :** Jawapan yang berkaitan dengan wakaf An-Nur ini dah ada jawapan rasmi daripada JCorp. Itu yang pertama. Yang kedua, berkaitan dengan berapa ramai jumlah pengajar tahfiz Al-Quran. Kalau mengikutkan kepada kelas-kelas ataupun bilangan madrasah sebab setiap madrasah ataupun sekolah sebagaimana di MARSAB, bilangan bagi tenaga pengajar yang khusus berkaitan dengan hafiz, tidak kurang daripada 200 orang seluruh negeri Johor. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Seterusnya, jemput Yang Berhormat Perling.

**YB Tuan Cheo Yee How (Perling)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 4.

Nyatakan kesemua projek sakit bawah kerajaan negeri bersama penyelesaian terhadap projek tersebut.

**YB Speaker** : Jemput, Yang Berhormat EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya menjawab senaraikan senarai projek yang sakit di bawah kerajaan negeri, saya ingin memberi sikit penjelasan kefahaman apa maksud projek sakit. Projek sakit ni adalah projek yang 20% lebih lewat atau 60 hari daripada jadual *progress* kerja itu dimaksudkan projek sakit. Dan, ada 4 projek sakit di bawah penyelenggaraan kerajaan negeri.

1. Projek cadangan membina sebuah jambatan konkrit menggantikan jambatan besi sedia ada di jalan Gelang Patah – Pendas, Gelang Patah - Johor Bahru. Bagi menyelesaikan masalah projek ini pihak JKR telah mengambil beberapa langkah:
  - i. Wakil SO telah mengeluarkan notis untuk tujuan penamatan, no.2 kepada pihak kontraktor.
  - ii. Laporan daripada SO iaitu jurutera daerah bahawa syarikat tersebut masih mampu diteruskan hasil daripada perbincangan dan juga mesyuarat.
  - iii. Kontraktor dikenakan denda kelewatan LAD sebanyak RM3,001.00 sehari.
  - iv. Pembinaan sedang dilaksanakan dalam tempoh berdenda dengan jumlah LAD adalah lebih kurang RM477,159.00.
2. Projek cadangan naik taraf jalan Parit Ibrahim dan Parit Jawa, Pontian, Johor. Bagi menyelesaikan masalah projek tersebut, pihak kerajaan telah mengambil langkah seperti berikut:
  - i. Mesyuarat koordinasi daripada dua pihak kontraktor, pasukan projek tapak JKR, PBT dan juga agensi telah diadakan pada 22.2.2019.
  - ii. Hasil mesyuarat tersebut, pemantauan akan dilaksanakan dengan kerap.
3. Cadangan menggantikan jambatan Sungai Pelentong di Jalan Masai Lama, Johor Baru, Johor bagi menyelesaikan masalah tersebut, pihak JKR telah mengambil langkah seperti berikut:
  - i. Pihak kontraktor telah dikenakan LAD sebanyak RM5,324.00 sehari. Pembinaan sedang dilaksanakan dalam tempoh berdenda dan jumlah LAD adalah sebanyak RM1,027,532.00.
4. Kerja-kerja menggantikan jambatan di Jalan Kuala Paya Balai Badang (J155) Segamat, Johor secara reka dan bina. Bagi menyelesaikan masalah ini pihak JKR telah mengambil langkah seperti:
  - i. Perakuan kerja tidak siap telah dihantarkan kepada Pegawai Penguasa.
  - ii. Permohonan EOT no. 1 telah dihantar oleh kontraktor dan di dalam semakan telah dihantar kepada JKR daerah Segamat bagi tujuan kelulusan.

Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput Yang Berhormat Perling.

**YB Tuan Cheo Yee How (Perling)** : Jadi, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat EXCO. Jadi soalan tambahan saya gini, tadi ialah dah sebut ada beberapa projek sakit cuma saya nak tanya apa puncanya daripada projek-projek sakit ini untuk adanya projek sakit ini di bawah kerajaan negeri? Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, sebenarnya projek-projek ni apa ini dilantik kontraktor sebelum lagi kerajaan yang baru, kita mengambil alih. Jadi, dalam mengikut apa ni kita punya pengalaman, kita setelah kita mengambil alih kerajaan, berapa faktorlah yang boleh dibuat andaian tapi ni tak ada satu kajian yang betul-betul *detail* eh. Di antaranya ialah kontraktor yang tidak kata tidak berkeupayaan untuk apa ni, berpotensi tinggi untuk menjalankan kerja.

Yang keduanya, kadang-kadang ada juga laporan-laporan tak *tally*, maknanya keputusan jemaah tender tu tidak berdasarkan juga daripada laporan teknikal, kadang teknikal *recommend* lain tapi dapat yang lain juga. Itu pun boleh berlaku. Dan, saya cakap ini bukan kajian, ini andaian-andaian yang mungkin berlaku, jadi ini di antara faktor-faktor yang boleh menjadikan projek itu sakit. Kadang-kadang teknikal kita *report* lain, keluar jadi yang lain. Jadi, ini pun kita dipihak JKR pun menangani masalah yang sama macam gini. Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput Rengit.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih. Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO Kerja Raya. Saya tertarik dengan salah satu faktor disebut yang lama. Maksudnya kesalahan, kelemahan projek-projek sakit ini adalah kerana kerajaan lama. Itu *blame standard*, piawaian standard kerajaan baru ni. Kalau salah kerajaan lama, cuma saya nak jelaskan Yang Berhormat Speaker.

**YB Speaker** : Soalan.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Ha ni soalan ni, soalan ni. Soalan saya, ni *flat screen* ni dulu terang, masa kerajaan lama terang. Sekarang saya duduk sini tengok ni gelap.

**YB Speaker** : Beli zaman lama.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Sekejap Tuan Speaker, beri peluang saya cakap dulu eh? Dulu terang, macam dulu kerajaan dulu terang. *Flat screen* ni kalau tengok ni, ni projek JKR juga kan? Ni pun macam projek sakit juga, gelap. Masa depan negara pun gelap macam *screen* ni juga, yang ada sekarang ni Yang Berhormat Tuan Speaker. (Dewan bertepuk). Jadi, jangan *blame* lah kerajaan lama eh? Apa kawalan yang nak dibuat sekarang, nak betulkan projek yang sakit ini? Perancangan dia apa? Jangan jadi benda tu lebih gelap nilah, contoh yang ada dalam Dewan ni, sakit tau mata tengok ni, *screen* ni makin gelap patut kerajaan baru ni makin terang, ni makin gelap. Terima kasih Tuan Speaker.

**YB Speaker** : Jemput, habis...

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan :** Terima kasih Pengerusi, sebenarnya saya tak cakap saya *blame*, saya cakap *award*, tarikh dilantik adalah di bawah kerajaan lama dan saya bercakap perkara-perkara bukan kajian, bila sebab kajian bukan fakta yang lengkap tapi andaian-andaian yang berlaku saya cakap. Jadi kena faham ayat daripada saya tadi. Dan, pasal *screen* ni sebenarnya dalam menjayakan satu projek dia ada tempoh kecacatan dia baru sangat benda ni tukar, jadi bagilah masa untuk dia buat *adjustment* dan sebagainya. Dia ada tempoh *defect liability*, sebab tu dalam projek ada tempoh dia tidak serah 100% dan kontraktor lepas tangan, dia ada dalam masa tersebut. Dan masa tersebut kita boleh diperbetulkan, *setting* balik dengan izin dan sebagainya dan akhirnya barulah dia ok. Ha ini jawapan dia. Terima kasih.

**YB Speaker :** Dalam *warranty* lah Yang Berhormat, tak ada kaitan dengan kerajaan. Ok, seterusnya dijemput Yang Berhormat Tangkak.

**YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 5.

Apakah sebab yang mengakibatkan permohonan penukaran status rumah lot bumiputera kepada bukan bumiputera yang mengambil masa permohonan yang panjang?

**YB Speaker :** Di jemput YB EXCO. Jemput Yang Berhormat. Jemput Yang Amat Berhormat, tersilap.

**YAB Menteri Besar:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tangkak. Mengenai tempoh masa penukaran status rumah lot bumiputera kepada bukan bumiputera. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak berkuasa negeri hendaklah mempunyai kuasa di bawah Seksyen 120, Kanun Tanah Negara atau KTN 1965 untuk penggunaan syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan kepentingan semasa pemberimilikan tanah dibuat. Pihak berkuasa negeri boleh memberikan milikan tanah tertakluk kepada apa-apa sekatan kepentingan yang mematuhi undang-undang sepertimana yang difikirkan sesuai. Sekatan kepentingan yang dikenakan akan ditentukan oleh PBN pada masa bila mana tanah itu diluluskan untuk pemberimilikan. Tiap-tiap sekatan kepentingan yang dikenakan akan di *endorse* kan di atas atau disebut dalam hak milik. Semua jenis hak milik tanah yang terdapat sekatan kepentingan hak milik perlu membuat permohonan kebenaran longgar sekatan kepentingan. Sekatan kepentingan ini adalah pendekatan pihak berkuasa negeri atau PBN untuk mengawal urusan pindah milik tanah tertakluk kepada sekatan-sekatan yang difikirkan sesuai oleh PBN selaras dengan peruntukan yang dinyatakan. Contoh-contoh sekatan kepentingan adalah seperti berikut:

1. Sekatan tanah kurnia.
2. Sekatan kepentingan rumah, kedai kos rendah, sederhana rendah, rumah mampu milik.
3. Sekatan kepentingan warga negara asing.
4. Sekatan kepentingan lot bumiputera.

Dalam kes permohonan penukaran status rumah lot bumiputera kepada lot bukan bumiputera, atau erti kata lain permohonan pindah milik tanah yang melibatkan bumiputera dan bukan bumiputera. Terdapat dua jenis keadaan permohonan kebenaran pindah milik tanah:

1. Kebenaran pindah milik tanah daripada pemaju kepada *end purchaser* yang melibatkan permohonan pelepasan lot bumiputera.
2. Kebenaran pindah milik tanah yang melibatkan individu, syarikat kepada individu dan syarikat.

Bagi permohonan kebenaran pindah milik tanah yang melibatkan pemaju kepada *end purchaser* yang melibatkan permohonan pelepasan lot bumiputera, jika pembeli adalah bukan bumiputera, pemaju perlulah memohon kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Perumahan untuk pelepasan permohonan lot bumiputera. Jika diluluskan, pelepasan ini akan hanya terpakai selagi mana tanah itu tidak dipindah milik kepada bumiputera. *Endorsan* lot bumiputera masih dikekalkan. Terdapat elemen denda, caj penalti dikenakan bagi pelepasan lot bumiputera yang perlu dibayar kepada pihak berkuasa negeri. Bagi permohonan kebenaran pindah milik tanah yang melibatkan individu, syarikat kepada individu. Syarikat pula permohonan kebenaran pindah milik tanah bagi kategori rumah kedai kos rendah, kos sederhana rendah hanya boleh dipertimbangkan jika disertakan dengan surat persetujuan daripada Setiausaha Kerajaan, Bahagian Perumahan. Permohonan kebenaran pindah milik tanah lot bumiputera, daripada bumiputera kepada bukan bumiputera sama ada individu atau syarikat hanya boleh dipertimbangkan jika disertakan dengan iklan asal surat khabar, tiga kali dalam masa tiga bulan.

Pihak berkuasa kerajaan negeri juga telah membuat perwakilan kuasa kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bagi menimbangkan apa-apa permohonan kebenaran pindah milik tanah antara kaum dan yang melibatkan pihak-pihak permohonan bumiputera dan bukan bumiputera melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam Ringkasan Mesyuarat 699/92 pada tahun 1992. Permohonan perlu dibuat di pejabat tanah daerah atau di Pejabat Tanah Galian mengikut di mana hak milik tanah didaftarkan permohonan akan diproses di pejabat-pejabat berkenaan dan seterusnya akan dimajukan kepada Pejabat Menteri Besar Johor untuk pertimbangan kelulusan.

Tempoh masa yang diambil bergantung kepada permohonan yang lengkap dan menepati senarai semak yang ditetapkan. Ia juga bergantung kepada sebab-sebab permohonan pemilikan tanah rumah, tanah lain oleh pemohon dan juga melihat kepada tempoh pemilikan tanah oleh pemilik tanah bagi satu-satu hak milik yang dipohon.

Saya juga ingin menjelaskan di sini bahawa pada tahun 2018, permohonan kebenaran pindah milik tanah warga Malaysia daripada Ogos 2018 hingga Disember 2018, permohonan pindah milik daripada kaum Melayu kepada kaum bukan Melayu, bilangan permohonan 82, bilangan permohonan yang telah dipertimbangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, 12 Surat keputusan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dihantar kepada PTG, PTD dalam tempoh 3 hari 12, peratus keputusan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dihantar kepada PTG, PTD dalam tempoh 3 hari adalah 100%.

Permohonan pindah milik daripada kaum bukan Melayu kepada kaum Melayu, bilangan permohonan 199, bilangan permohonan yang telah dipertimbangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar 10. Surat keputusan Yang Amat Berhormat Menteri Besar 10, peratus keputusan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam tempoh 3 hari, 100%. Ketiga, permohonan daripada kaum bukan Melayu 49. Bilangan permohonan yang telah dipertimbangkan 2. Surat keputusan Yang Amat Berhormat Menteri Besar 2 dan peratus keputusan, 100%. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput, Yang Berhormat Tangkak.

**YB Tuan Ee Chin Lin (Tangkak)** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih atas jawapan dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Soalan tambahan saya adalah berapakah jumlah lot Bumiputera terutama rumah kediaman yang tidak terjual setakat ini di seluruh negeri Johor? Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput, Yang Amat Berhormat.

**YAB Menteri Besar** : Terima kasih Yang Berhormat Tangkak. Jumlah sebenar, berapakah rumah-rumah lot Bumiputera tak dapat dijual sehingga setakat ini? Sebenarnya, jawapan ini perlulah dijawab oleh Yang Berhormat EXCO Perumahan. Tadi, penukaran status lot

Bumiputera sahaja, cara penukaran. Bagaimana cara dan sebagainya jadi kalau nak tanya jumlah tu, kena tanya soalan ini kepada EXCO Perumahanlah kerana dia lebih tahu dalam hal ini. Tapi, insya-Allah kita akan bagi jawapannya secara bertulis nanti untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tangkak ni. Baik, terima kasih Yang Berhormat Speaker.

**YB Speaker** : Ya, Panti.

**YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti)** :Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, saya nak tanya satu soalan tambahan berkenaan dengan satu Pekeliling baru PTG iaitu Bilangan 8 Tahun 2019, tentang pindaan *fee*. Antara, kita tahu secara umumnya pada ketika ini dengan kos sara hidup dan sebagainya dan banyak subsidi ataupun perkara-perkara insentif yang kerajaan dulu bagi telah ditarik balik oleh kerajaan sekarang. Cuma, sebagai contoh dalam pindaan Pekeliling baru tersebut ada satu, beberapa bahagian sebagai contoh pembelian rumah atas tangan atau *sub sales* bagi rumah atau bangunan *low cost* bayaran permohonan biasanya RM100.00 sementara bayaran kelulusan dikenakan pula bayaran RM500.00. Rumah ini kebanyakannya dimiliki oleh orang-orang yang tidak mampu milik dan di antara syarat kelayakan adalah bergaji RM3,000.00. Mungkin orang yang menjual tu, mungkin dia dah melepasi ataupun dia sudah lepas daripada kategori yang mungkin berkemampuan dan sebagainya tapi yang mahu membeli tu, mungkin adalah masih di bawah ialah dengan syarat RM3,000.00 pendapatan dan sebagainya. Dan, melalui pindaan Pekeliling baru ini mereka akan ada kos tambahan antara RM150.00 hingga RM200.00. Soalan saya, apakah rasional ataupun bagaimanakah keputusan yang sebegini dibuat dan diputuskan oleh kerajaan sekarang dan bagaimana ianya dapat membantu rakyat ataupun warga negeri Johor khususnya untuk mereka meneruskan hidup dalam keadaan yang terdesak sekarang. Terima kasih.

**YB Speaker** : Soalan tu mungkin tak berkait tapi mungkin Yang Amat Berhormat untuk jawab.

**YAB Menteri Besar** : Sebenarnya, soalan ini tidak ada kaitan dengan soalan asal, lari daripada tajuk dia. Tapi kalau nak terangkan sedikit, kita boleh terangkan cuma masalah *sub sales* ni kadang-kadang penjual ni dia menjual kepada pembeli yang baru ni, sebelum mendapat kelulusan, dia dah jual dulu. Sepatutnya, dapat kelulusan baru jual, jadi oleh kerana dia dah menerima wang pendahuluan dan sebagainya dia rasa terdesak kadang-kadang dan itu yang menjadikan ada perkara-perkara yang timbul dalam soal untuk memenuhi segala apa dokumen-dokumen yang diperlukan, ini masalahnya. Jadi, saya rasa tentang RM150.00 dan juga RM500.00 ini tidak menjadi beban kerana mereka yang kebanyakannya menjual ni kita tengok harga asal dengan harga yang dijual baru itu dia mendapat keuntungan yang berbeza kan. Kalau mereka dijual kerana mereka tak dapat keuntungan mungkin menjadi satu beban, saya rasa *amount* ataupun *figures* yang kita kenakan itu adalah *reasonable* dengan kerja yang dibuat oleh pihak PTG, perakuan dan juga mesyuarat dengan dokumen-dokumen yang ada, saya rasa ini tidak membebankanlah. Terima kasih.

**YB Speaker** : Seterusnya, Yang Berhormat Machap.

**YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 6.

Mohon penjelasan tentang sejauh mana pelaksanaan Kad Sihat Johor 2019.

**YB Speaker** : Yang Berhormat Pekan Nenas, jemput.

**YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 7.

Berapakah anggaran penerima Kad Sihat Johor 2019 dan anggaran jumlah peruntukan yang digunakan untuk menjayakan program ini.

**YB Speaker** : Yang Berhormat Penggaram, jemput.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, nombor soalan saya nombor 8.

Skim kad sihat terhad kepada setiap kawasan DUN. Mengapa ianya dihadkan kepada 89 untuk kategori A (keluarga) dan 60 untuk kategori B (individu). Mohon beri penjelasan mengapa tidak mengikut populasi setiap kawasan masing-masing?

**YB Speaker** : Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian** : Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab bersekali.

Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan Kad Sihat Johor bagi tahun 2019, telah mula dibuka pada 2 Februari 2019. Kemudahan Kad Sihat Johor ini dibahagikan kepada 2 kategori iaitu kategori A (Keluarga) dan kategori B (Individu). Penerima Kad Sihat Johor akan mendapat kemudahan pembiayaan rawatan kesihatan asas di klinik kesihatan terpilih, klinik panel.

Manfaat kemudahan Kad Sihat Johor bagi kategori A (Keluarga) adalah had pembiayaan RM500.00 setahun. Had penggunaan RM50.00 bagi setiap rawatan dan percuma satu kad untuk satu keluarga. Manakala manfaat kemudahan Kad Sihat Johor bagi kategori B (Individu) adalah had pembiayaan sebanyak RM200.00 setahun. Had penggunaan adalah RM50.00 bagi setiap rawatan dan percuma satu kad untuk setiap individu.

Cara-cara permohonan Kad Sihat Johor adalah secara atas talian *online* di [www.sihatjohor.com.my](http://www.sihatjohor.com.my). Bagi tahun 2019, kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak 10,000 Kad Sihat Johor bagi kategori A (Keluarga) dan 4,000 Kad Sihat Johor bagi kategori B (Individu). Sebanyak 13,814 permohonan telah diterima sehingga 26 Februari 2019. Peruntukan Program Kad Sihat Johor Tahun 2019 dianggarkan berjumlah RM6,000,500.00 sekiranya kelayakan maksimum diguna pakai oleh semua penerima Kad Sihat Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat, pemberian Kad Sihat Johor dibahagikan mengikut 56 DUN di negeri Johor. Secara dasarnya, kawasan DUN adalah berbeza dari segi saiz dan populasi. Terdapat kawasan DUN yang kecil mempunyai populasi penduduk yang tinggi dan terdapat juga kawasan DUN yang besar mempunyai populasi penduduk yang rendah. DUN yang berpopulasi rendah juga melibatkan kawasan luar bandar yang mungkin tidak mempunyai banyak khidmat perubatan dan klinik swasta seperti di kawasan bandar yang berpopulasi tinggi. Penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah di kawasan tersebut juga perlu berbelanja lebih untuk kos pengangkutan untuk ke klinik swasta. Justeru itu, kemudahan lain seperti Kad Sihat Johor amat membantu penduduk yang amat memerlukan. Kerajaan negeri Johor melihat bukan sahaja dari segi populasi tetapi juga dari segi kemudahan sedia ada seperti akses kemudahan klinik kesihatan dan hospital kerajaan. Terima kasih.

**YB Speaker** : Pekan Nanas, ops *sorry* Machap.

**YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap)** : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih juga kepada penjelasan yang telah diberikan oleh EXCO. Soalan saya, ada atau tidak peruntukan ataupun purata penerimaan kad sihat ini kepada setiap Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri di kawasan tertentu? Kemudian yang kedua, dari segi pengesahan permohonan kad sihat ini sama ada dibuat oleh ADUN di kawasan itu atau penyelarasan di kawasan yang dilantik oleh kerajaan pada hari ini? Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian :** Setiap DUN diperuntukkan sebanyak 250 orang penerima iaitu 180 untuk kategori A dan 70 orang untuk kategori B. Kemudian, semua borang-borang yang telah diisi secara *online* hendaklah di *print* dan disahkan oleh DUN ataupun, oleh ADUN ataupun oleh penyelarasan DUN. Terima kasih.

**YB Speaker :** Ya, Pekan Nanas.

**YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, kalau kita tengok ini kad sihat walaupun kita memberi iaitu persediaan, geran RM500.00 untuk satu keluarga. Kadang-kadang orang kalau tidak sakit, kita tidak akan menggunakan peruntukannya *or* sepenuhnya. Sebab itu saya nak tanya, adakah kerajaan negeri Johor akan meningkatkan iaitu bilangan penerima supaya lebih ramai orang mendapat manfaat jika pada tahun 2018, kita ada kad sihat, peruntukan yang kita disediakan tidak digunakan dengan sepenuhnya dan kalau ada baki, adakah jumlah penerima dapat ditingkatkan pada tahun ini?

**YB Speaker :** Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian :** Terima kasih. Kerajaan negeri sentiasa mementingkan tentang kesihatan kepada masyarakat di negeri Johor. Jadi, jika bajet yang diberikan masih ada dan peruntukan kerajaan negeri masih ada, insya-Allah kita boleh perluaskan lagi Program Kad Sihat Johor dengan menambah jumlah peserta Kad Sihat Johor. Terima kasih.

**YB Speaker :** Penggaram, jemput.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Terima kasih daripada Tuan Speaker, bagaimana kerajaan memastikan harga caj perkhidmatan rawatan dan ubat dapat dikawal supaya apa yang dibayarkan oleh kerajaan berpadanan dengan rawatan yang diberi dan juga klinik-klinik panel tidak sesuka hati menaikkan harga rawatan dan ubat-ubat. Ini adalah penting supaya penerima skim tidak dibebani caj sekiranya melebihi daripada RM50.00 per rawatan.

Dan, saya juga ingin tahu tentang siapakah yang bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pemohon sekiranya, sama ada permohonan mereka telah ditolak atau diluluskan? Adakah ini tanggungjawab oleh Pejabat Daerah, ADUN kawasan ataupun pihak EXCO Kesihatan?

**YB Speaker :** Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian :** Pihak kami memang ada sentiasa memantau penggunaan kad-kad yang secara luar biasa, di mana kita mempunyai satu sistem di mana jumlah pembayaran, di mana kos perkhidmatan doktor, ubat-ubatan adalah diselaraskan, di mana di sini sistem kita akan mampu mengesan jika ada pembayaran yang terlalu berlebihan. Kemudian, pihak Kad Sihat Johor hanya membayar RM50.00 sahaja setiap kali transaksi. Jika terlebih, pengguna hendaklah membayar lebih yang lebih RM50.00 itu. Kemudian, semua sistem adalah dijaga oleh SUK Pembangunan. Apa pun semua, sebetulnya semua ADUN-ADUN dapat tahu siapa yang ditolak dan siapa yang tidak ditolak, kerana kita hanya memilih sebanyak 250 orang sahaja individu. Jadi, tak ada masalah sama ada pihak SUK Pembangunan ataupun pihak pejabat EXCO yang akan memberitahu. Itu tak ada masalah lah. Sekian, terima kasih.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Satu soalan tambahan, Tuan Pengerusi.

**YB Speaker :** Boleh, boleh.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Terima kasih Tuan Speaker, pepatah Melayu ada menyebut, bertelur sebiji, riuh sekampung. Maksudnya apa, dia telur sebiji aje tapi satu kampung riuh. Macam Kad Sihat Johor juga ni. Baru 245 penerima dengan belanja yang dah dituntut RM55,000.00 sahaja. Saya ingat, selaras dengan negeri yang berprestasi tinggi, 2,000 orang ke 3,000 orang, baru 245 orang, RM55,000.00 sahaja yang dituntut. Jadi,apa sebabnya? Kata slogan, Negeri Berprestasi Tinggi, Johor Bestari, riuh, itu saya kaitkan dengan pepatah Melayu, bertelur sebiji, riuh sekampung. Macam Kad Sihat Johor ni lah, macam sikit aje.

**YB Speaker :** Soalannya, Yang Berhormat?

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Ha, itu apa sebab, soalan dia Yang Berhormat Tuan Speaker, apa sebab kelemahan dia sampai begitu sikit?

**YB Speaker :** Saya ingat, apa sebab ayam bertelur...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Ayam bertelur lain, apa sebab kelemahan ini sikit, sikit sangat. Itu gambar-gambar EXCO itu, sepanjang Johor, Negeri Berprestasi Tinggi, Johor Bestari. Menteri Besar gambar dia kat atas sekali. EXCO Kerja Raya tengah tengok aje. Kan?

**YB Speaker :** Ok. Cukup lah tu Yang Berhormat. Maklum. Soalan tu maklum.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Soalan dia,

**YB Speaker :** Maklum. Soalan tu dah maklum. Jelas, jelas.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Soalan dia, bukan *jealous* Yang Berhormat, tak sepadan dengan slogan Negeri Berprestasi Tinggi ini dengan pencapaian Kad Sihat Johor ini. Jadi, apa sebab? Patutnya dengan gerak kerja yang berprestasi tinggi ni 2,000 ke 3,000 ke? Jadi dalam Dewan Negeri Johor ini, soalan dia apa sebab?

**YB Speaker :** Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian :** Terima kasihlah Rengit yang hebat. Sebetulnya kerajaan sekarang ni dia mencuci orang berak. Sana berak, sini cuci, sana berak sini cuci, sana berak, sini cuci. Agama Islam mengajar kita, tak dapat buat semua, jangan tolak semua. (Dewan bertepuk).

Kedua, sebetulnya kita ini dah bersyukur ke? Kerajaan ada hospital sebanyak hampir 11 ke 12 biji hospital di setiap daerah. Kerajaan ada klinik kesihatan di setiap daerah, kerajaan ada klinik desa di setiap DUN. Semua kerajaan dah bagi. Tuan-tuan, puan-puan, YB-YB, masyarakat yang kat luar tu kena peka bahawa kerajaan negeri Johor, Kerajaan Pakatan Harapan hanya membantu. Fasiliti terutama rawatan kesihatan hendaklah diambil di hospital kerajaan, di klinik kesihatan. Kita kerajaan negeri Johor hanya membantu untuk memudahkan masyarakat. Untuk memudahkan rakyat. Itulah kehebatan pembangkang yang tahunya cuma membangkang, seolah-olah membangkang tapi dia tak tahu apa fungsi dia sebagai pembangkang. Jadi, dia kena peka sikit. Kena berterima kasih sikit. Dah berak, kami cuci. Tuan berak, kami cuci. Terima kasih.

**YB Speaker :** Buang air besarlah Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian :** Berak tu, bagus sikit. Bagus sikit. Terima kasih.

**YB Speaker** : Ok. Soalan yang seterusnya saya jemput, Larkin.

**YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad (Larkin)** : Terima kasih YB Tuan Speaker. Soalan saya soalan nombor 9.

Kelemahan urus tadbir khususnya dalam alokasi dan pengagihan perumahan yang tidak sistematik dan telus dilihat sebagai faktor utama kegagalan dalam mencapai objektif penyediaan rumah kepada golongan sasar. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan bagi menyelesaikan isu ini?

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam harapan, salam Malaysia baharu. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Dewan yang mulia sekalian. Terima kasih kepada YB Larkin di atas soalan A33.

Untuk makluman Dewan yang mulia, sebelum kaedah penawaran Rumah Mampu Biaya atau ringkasnya RMBJ yang baru dibuat secara undian terbuka, proses penawaran Rumah Mampu Biaya Johor yang dilaksanakan adalah menggunakan kaedah sistem merit.

Kaedah sistem merit ini adalah berasaskan kepada maklumat yang diberikan oleh pemohon melalui pendaftaran di Sistem Perumahan Johor secara atas talian yang juga dikenali sebagai e-rumah.johor.gov.my iaitu portal rasmi Perumahan Kerajaan Negeri Johor. Daripada maklumat yang diberi, pemarkahan merit akan dijana oleh sistem untuk mengetahui kelayakan pemohon bagi mendapatkan tawaran Rumah Mampu Biaya. Pemohon akan dimaklumkan untuk menyerahkan dokumen bagi tujuan semakan dan pengesahan.

Kaedah ini juga hanya membenarkan pemohon membuat pilihan berdasarkan kepada lokasi iaitu mukim di sesuatu daerah. Oleh kerana itu, terdapat banyak rungutan daripada orang awam, rakyat negeri Johor yang mengatakan telah mendaftar beberapa tahun dengan sistem Perumahan Johor tetapi tidak ada tawaran yang di terima. Apa yang berlaku sebenarnya tawaran Rumah Mampu Biaya Johor tidak dapat ditawarkan kepada mereka atau kepada pemohon kerana lokasi atau mukim yang dipilih tiada projek Rumah Mampu Biaya Johor. Satu lagi kelemahan kaedah sistem merit terdahulu pemohon hanya dibenarkan membuat pindaan kepada profil permohonan setiap 2 tahun sekali. Di samping kaedah sistem merit, kita juga telah memansuhkan Kuota Menegak Kerajaan (KMK) yang sering saya sebut terdedah kepada rasuah, penyelewengan dan juga penipuan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, satu kajian diadakan bagi mengenal pasti kelemahan dan memperhalusi penambahbaikan untuk kaedah pengagihan Rumah Mampu Biaya Johor ekoran daripada beberapa kelemahan yang saya sebutkan tadi. Hasil dari kajian itu, pada 7 November 2018 satu kertas kerja di bentang dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor dan telah memutuskan untuk menggunakan kaedah pengagihan melalui sistem yang lama kepada sistem undian terbuka, dengan izin *open voting system* atau dikenali sebagai SP2MJ. Sistem ini merupakan satu sistem undian terbuka. Di mana, orang awam dan pemohon boleh memilih melalui sistem Perumahan Johor berdasarkan kepada projek Rumah Mampu Biaya Johor yang ditawarkan di Portal Rasmi Kerajaan Johor. Orang awam hanya perlu membuat permohonan di Sistem Perumahan Johor dan menghantar dokumen kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan.

Secara umumnya terdapat pilihan dalam portal perumahan kita yang sering ditanya oleh rakyat. Kebanyakan iaitu yang pertamanya adalah untuk tujuan pembelian Rumah Mampu Biaya Johor. Yang keduanya, rumah kuota bumiputera yang dijual dengan diskaun 15%

yang juga merupakan rumah bagi tujuan pembelian dan yang ketiga iaitu Program Perumahan Rakyat atau ringkasnya PPR yang disewa sama ada harga RM124.00 dan yang terbaru kita naikkan kepada RM250.00 sebulan.

Sistem undian terbuka ini juga membenarkan pihak pemohon untuk memperbaharui pilihan Projek Rumah Mampu Biaya dan boleh dilakukan bila-bila masa secara *online* atau atas talian berbanding dengan sistem yang lama hanya boleh dilakukan dalam tempoh 2 tahun sekali.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam sistem undian terbuka ini, undian bukan sahaja dibuat bagi satu undian bagi satu rumah atau satu lot rumah, tetapi di samping undian dibuat mereka berjaya dan akhirnya dikeluarkan sijil layak memiliki rumah. Kita juga membuat undian bagi 3 lagi pemohon yang diletakkan sebagai senarai menunggu, dengan izin *waiting list*. Jika sekiranya pemohon yang pertama yang berjaya dalam undian gagal mendapatkan pinjaman perumahan dalam masa maksimum 2 bulan, kalau dahulunya 3 bulan, kita pendekkan. Maka senarai menunggu yang pertama akan diberikan peluang untuk membeli rumah tersebut. Kaedah ini juga akan mengurangkan elemen budi bicara, dengan izin, *discretion* di pihak SUK Perumahan yang boleh mendorong mereka kepada amalan yang tidak sihat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, setelah serahan dokumen dibuat, kita membuat penambahbaikan dokumen yang dihantar termasuk meminta pemohon mengemukakan penyata CCRIS dan juga CTOS bagi membolehkan tapisan atau saringan dibuat mengambil kira keupayaan kredit dengan izin *credit worthy*. Selain itu, sistem ini juga adalah lebih telus dan efisien di mana orang awam boleh melihat sendiri bagaimana Rumah Mampu Biaya Johor itu diagihkan. Sehingga hari ini, sebanyak tiga projek yang telah diagihkan secara undian terbuka. Pertama, pada November 2018, Taman Daiman Jaya di Kota Tinggi, yang kedua pada 19 Januari 2019 di Bandar Putra di Segamat. 23 Februari 2019, Taman Sinar Impian di Yong Peng dan insya-Allah pada Mac 2019 Meridin East di Plentong dan April 2019, Taman Pulau Mutiara, Skudai, Jun 2019 Taman Saujana Putra Kesang, Muar. Julai 2019 Meridin East di Plentong. Ogos 2019, Taman Mengkibol, Kluang. Insya-Allah setiap bulan bermula 2019 ini kita akan mengadakan acara *balloting* bagi Rumah Mampu Biaya Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sedikit saya nak kongsi bersama rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini, undian terbuka yang kita laksanakan di Taman Damai Jaya Kota Tinggi masih lagi kadar mereka gagal mendapatkan pinjaman daripada pihak institusi bank sebanyak 40% daripada mereka yang telah diberikan sijil layak memiliki rumah atau ringkasnya SLMR. Oleh itu, pihak SUKJ Perumahan telah membincangkan bagaimana kaedah terbaik bagi memastikan setiap pemohon yang berjaya dalam undian dan diberikan sijil SLMR ini mampu untuk mendapatkan pinjaman daripada pihak bank ataupun institusi kewangan. Sekian Yang Berhormat Tuan Speaker..

**YB Speaker :** Jemput Larkin.

**YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad (Larkin) :** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih YB EXCO. Dalam isu kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan perumahan dari institusi kewangan adalah merupakan faktor terbesar pemohon yang mana pemohon gagal mendapatkan atau membeli rumah. Kerajaan telah melaksanakan inisiatif bagi membantu golongan yang berpendapatan tidak melebihi RM2,300.00 sebulan dengan memperuntukkan dana berjumlah RM1 bilion. Di sini saya ingin tahu, sejauh manakah fasa pelaksanaan inisiatif ini di Johor? Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar :** Terima kasih di atas soalan tambahan. Setakat ini saya tidak ada maklumat yang terkini dan insya-

Allah saya akan jawab secara bertulis. Apa pun, permohonan untuk pakej bantuan pinjaman perumahan RM1 bilion disediakan oleh kerajaan persekutuan, adalah permohonan terus ditujukan kepada mereka dan insya-Allah saya akan mendapatkan *feed back* tentang statistik permohonan dari negeri Johor. Tetapi, dalam masa yang sama, kita dalam negeri Johor juga cuba membantu mereka yang gagal untuk mendapatkan pinjaman perumahan ini melalui program-program melalui KPRJ dan juga melalui pakej yang kita ada MoU dengan Ambank Islamic. Sekian Yang Berhormat Speaker.

**YB Speaker** : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Perling.

**YB Tuan Cheo Yee How (Perling)** : Yang Berhormat Speaker, soalan saya soalan nombor 10.

Insiden pelanggaran kereta ke meja kerusi di tempat parkir kedai makan yang menyebabkan kematian dan kecederaan pelanggan-pelanggan yang berada di situ kerap berlaku baru-baru ini. Justeru itu, apakah dasar Kerajaan Negeri untuk mengawal insiden sebegini berlaku lagi.

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga terima kasih Yang Berhormat Perling atas soalan yang ditujukan. Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri Johor meraikan dan memahami norma masyarakat di Malaysia di mana gemar untuk menikmati suasana konsep restoran atau kedai makan terbuka. Namun begitu, norma tersebut pada hakikatnya mengundang ancaman keselamatan kepada para peniaga dan orang awam.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, negeri Johor tidak menguatkuasakan atau melaksanakan sebarang dasar atau garis panduan khusus bagi para pengusaha restoran atau kedai makan ataupun kafe yang membenarkan mereka menjalankan aktiviti perniagaan mereka di ruang parkir awam, dengan menempatkan dan mengaturkan kerusi dan meja. Segala pendekatan berbentuk dasar atau garis panduan sama ada digubal mahupun dipinda berkaitan perkara tersebut akan merangkumkan penerimaan masyarakat. Malah, tempoh masa juga diperlukan bagi memerlukan masyarakat menyesuaikan diri dengan sebarang bentuk perubahan dasar atau garis panduan yang lebih tersusun dan mengikut piawaian yang jelas.

Justeru itu, Kerajaan Negeri bersetuju memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk menggubal atau meminda dasar berkenaan berdasarkan keistimewaan dan kebiasaan masyarakat setempat dengan mengambil kira keselamatan orang awam dan pelanggan, kebersihan ruangan parkir, tidak menimbulkan kacau ganggu kepada komuniti setempat dan tidak mengganggu kelancaran aliran trafik. Namun, Pihak Berkuasa Tempatan juga digalakkan untuk memanfaatkan ruang yang selalu diabaikan seperti laluan belakang, kaki lima dan lorong antara kedai sebagai langkah alternatif bagi mengurangkan ancaman keselamatan kepada perniagaan secara terbuka sedemikian.

Oleh itu, Pihak Berkuasa Tempatan dan Ahli Majlis perlu memainkan peranan masing-masing untuk berkomunikasi dan berunding dengan para pemegang taruh atau dengan izin *stakeholder* dalam mengatasi isu tersebut dan seterusnya mencapai konsensus menang-menang. Langkah ini juga sebagai mencipta peluang perniagaan yang teratur kepada para penjaja dan peniaga selain mengutamakan keselamatan dan kebersihan bagi produk yang diniagakan kepada masyarakat umum. Bagi memastikan pemilik restoran atau kafe atau kedai makan untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan memastikan keselamatan orang awam, Bahagian Penguatkuasa PBT akan membuat pemantauan secara berkala mengeluarkan notis peringatan dan tawaran kompaun serta tindakan sitaan akan diambil ke atas pemilik-pemilik perniagaan sekiranya di dapati terdapat pemilik-pemilik

perniagaan yang degil untuk mematuhi segala peraturan atau perjanjian yang telah ditetapkan.

**YB Speaker** : Perling, jemput, soalan tambahan.

**YB Tuan Cheo Yee How ( Perling )** : Ya, terima kasih, jawapan daripada YB EXCO. Ini merupakan norma kepada masyarakat Malaysia dan memang berlakulah kemalangan dekat tempat-tempat tertentu yang telah dinyatakan. Jadi, soalan saya ini, tadi, YB EXCO dia ada mengatakan bahawa dengan dasar-dasar yang sedia ada. Cuma, kita nak tahu adakah dia termaktub pada jangka masa terdekat ke atau macam mana adakah dia setkan satu tempoh masa melaksanakan benda-benda yang disebutkan tadi? Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi** : Terima kasih soalan daripada YB Perling. Yang Berhormat Tuan Speaker, seperti yang saya sebutkan tadi, kita perlu menghormati keunikan dan keistimewaan masyarakat setempat. Maka, kerajaan negeri tidak berhasrat untuk menetapkan satu garis panduan yang seragam untuk ke semua PBT di negeri Johor buat masa sekarang. Dan, kita menyerahkan perkara ini kepada PBT masing-masing untuk menetapkan garis panduan sendiri dan mengambil langkah mengikut keistimewaan keperluan dan kesesuaian masyarakat setempat.

**YB Speaker** : Soalan seterusnya, jemput Yang Berhormat Jementah.

**YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 11.

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk mengubah situasi populasi pemuda-pemudi luar bandar yang berhijrah ke kawasan bandar kerana kekurangan peluang pekerjaan. Apakah perancangan untuk penstrukturan semula model ekonomi yang boleh menambah peluang pekerjaan untuk menangani situasi ini ?

**YB Speaker** : Jemput Yang Berhormat Kemelah.

**YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor (Kemelah)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 12.

Apakah langkah kerajaan negeri dalam menurunkan kadar hijrah dari luar bandar ke bandar, khususnya dari kalangan belia?

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan** : Terima kasih YB Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Jementah dan Yang Berhormat Kemelah, yang menyentuh isu penghijrahan kalangan belia dari luar bandar ke bandar. Yang Berhormat Tuan Speaker, melalui Belanjawan Johor 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pelbagai inisiatif dan peruntukan telah difokuskan dalam usaha kerajaan negeri menyasarkan pembangunan lebih seimbang bagi setiap wilayah di negeri ini, termasuklah di luar bandar.

Yang pertama ialah antara pelan perancangan kawasan luar Bandar dari segi memupuk pembangunan aktiviti ekonomi adalah untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan pusat khususnya Iskandar Regional Development Authority (IRDA). Baru-baru iaitu bulan Februari 2019, pengerusi bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan perluasan kawasan liputan koridor pembangunan ekonomi tersebut di negeri Johor. Sekarang, IRDA meliputi 2,217 *square meter* dengan tambahan liputan IRDA akan meliputi sebanyak 4,749 *square meter* dengan iaitu kawasan yang meliputi dari Pontian ke Kluang ke

Kota Tinggi. Ini satu tambahan. Tambahan liputan. Dengan perkembangan ini, peluang pelaburan akan meningkat dan ini akan beri peluang *multi flyer effect* dengan izin. Kepada peningkatan kadar pekerjaan masyarakat tempatan di kawasan luar bandar negeri Johor. Antara sektor ekonomi, promosi IRDA termasuk sektor pelancongan makanan dan agro logistik, elektrik dan elektronik. Ini ialah *plan* yang pertama.

Yang kedua ialah dalam Belanjawan 2019 negeri Johor di bawah titik fokus 53, telah diumumkan bahawa daerah Segamat, kedua-dua Yang Berhormat dari daerah Segamat dimasukkan dalam kawasan Wilayah Pembangunan ECER dan melalui titik fokus 54, sebanyak RM1 juta diperuntukkan untuk kajian perluasan kawasan industri Segamat, Fasa 2. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti projek-projek baharu berimpak tinggi kepada ekonomi Wilayah Utara Negeri Johor yang sekali gus akan meningkatkan peluang pekerjaan.

Yang berikut ialah dalam titik fokus 56, dalam Belanjawan, RM1 juta juga diperuntukkan untuk kajian pembangunan Taman Perindustrian Bukit Gambir, Tangkak dengan luas kawasan sebanyak 110 ekar yang bakal berpotensi penempatan 50 hingga 70 pengusaha industri kecil dan sederhana. Ini adalah rancangan-rancangan yang di *plan* untuk kawasan luar bandar pun dapat pembangunan ekonomi. Dan dengan ini, harap penghijrahan dari luar ke bandar akan dikurangkan.

Selain daripada itu, Unit Strategik Modal Insan pun dengan masa yang singkat kami pun akan melancarkan satu program di mana di sekolah-sekolah menengah, di mana semua pelepas sekolah kita nak beri kesedaran bahawa terus jangan pergi ke kerja. Pergi ke satu institusi ILP atau mana-mana institusi kemahiran dan belajar satu kemahiran. Itulah satu kempen kita akan lancarkan dan dengan ini kita harap Bangsa Johor akan menjadi bangsa berkemahiran. Jadi inilah rancangan-rancangan kami. Terima kasih.

**YB Speaker :** Soalan seterusnya, Yang Berhormat Mengkibol.

**YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 13.

Apakah peratusan liputan Internet 3G dan 4G di Daerah Kluang?

**YB Speaker :** Jemput Yang Berhormat Bukit Naning.

**YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 14.

Setelah terwujudnya Jawatankuasa Digital Johor seperti dalam Belanjawan Johor 2019 menerusi 5G ini, apakah perkhidmatan infrastruktur bagi jalur lebar akan di naik taraf bagi kawasan luar bandar seperti di beberapa tempat di dalam DUN Bukit Naning?

**YB Speaker :** Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pedagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti :** Terima kasih Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Mengkibol dan juga Yang Berhormat dari Bukit Naning bersekali. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Mengkibol telah menunjukan soalan berkenaan dengan peratusan liputan internet. 3G dan 4G di daerah Kluang. Saya ingin mengambil kesempatan ini, untuk bukan sahaja menjawab soalan daripada Yang Berhormat Mengkibol berkenaan dengan daerah Kluang malah saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, peratusan liputan di seluruh Johor sekali.

Untuk makluman Tuan Speaker, peratusan liputan untuk 2G di seluruh Johor tertinggi adalah di daerah Johor Bahru di mana peratusan liputan adalah 99.9% dan terendah adalah

di Mersing 92.8%. Untuk 3G, Johor Bahru, 99.8%; daerah Kulai, 99.2%; Kota Tinggi, 95.6%; Pontian, 98.1%; Batu Pahat, 99.2%; Kluang, 95%; daerah Tangkak, 98.4%; Muar, 98.4%; Segamat, 95.8% dan akhirnya Mersing, 89.6%.

Manakala untuk liputan 4G atau LTE adalah seperti berikut, di daerah Johor Bahru 98.1%, daerah Kulai, 90.2%; Kota Tinggi, 64.7%; Pontian, 69.7%; Batu Pahat, 77.5%; Kluang, 77.7%; Tangkak, 77.1%; Muar, 84.9%; Segamat, 73.6% dan akhirnya daerah Mersing, 60.1%.

Yang Berhormat Tuan Speaker, manakala bagi liputan 5G kini di Malaysia pula, ianya masih lagi di dalam peringkat kajian bagi mengenal pasti keberkesanan liputan 5G ini dan juga dijalankan sama juga dengan beberapa pemain-pemain industri yang relevan seperti sektor pertanian, perkilangan dan pengangkutan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak kerajaan menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau SKMM sentiasa berusaha menambah baik kualiti perkhidmatan komunikasi terutamanya di kawasan luar Bandar melalui pelbagai inisiatif antaranya projek jalur lebar talian tetap, perluasan liputan selular dan jalur lebar mudah alih di seluruh negara termasuk di Johor, termasuk juga di DUN Bukit Naning.

Di bawah projek perluasan liputan jalur lebar mudah alih sepanjang tahun dari 2017 sehingga kini sebanyak 7 menara sedia ada telah di naik taraf dan beroperasi dengan liputan 4G di sekitar kawasan DUN Bukit Naning seperti di sekitar kawasan Kampung Paya Bakri, Parit Tengah, Parit Haji Hassan, Parit Haji Zain Mohamad dan Kampung Parit Haji Karim. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Jam telah pukul 11.00 pagi. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

**Jurutulis : Soalan-soalan Bertulis. Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.**

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan** : Yang Berhormat Speaker saya mohon membawa rundingan supaya dewan ini ditangguhkan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar** : Yang Berhormat Speaker saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan ini saya tangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Sekian wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11.05 pagi.**

**PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:**

**Jurutulis**

Cik Hajah Shubannah binti Yusuf

**Penolong Jurutulis**

Encik Hasnul Atmam bin Othman  
Puan Farrah Diana binti Mohammad

**Ketua Unit Dewan**

Puan Asiah binti Moklis

**Pembantu Penerbitan**

Puan Malina binti Mohd Nasir  
Puan Noraisah binti Mohd Yusof  
Encik Ariff bin Abu Bakar

**Pembantu Operasi (Bentara)**

Encik Razine bin Sulaiman  
Encik Hamdan bin Markom  
Encik Norhayadi bin Hussien  
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi  
Encik Mohd Norazri bin Kasim  
Encik Mohd Sapri bin Manan  
Encik Muhamad Khairul Asyraf bin Abdullah  
Encik Muhammad Khairul bin Arop

**Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)**

Puan Hajah Azlin binti Bahrin  
Puan Junaidah binti Paing  
Puan Norhafizah binti Osman  
Puan Raihanah binti Ismail

**Rakaman**

Encik Azizan bin Md. Sidi

**Juruaudio Video**

Encik Noorazhan bin Mohd Salleh

**Juruteknik**

Encik Mohd. Faizal bin Jaffar

*UNIT DEWAN  
PEJABAT JURUTULIS  
DEWAN NEGERI JOHOR  
07 MAC 2019*